

20 JAN 2000

PERLIS-BOSNIA

PERLIS AKAN MANFAATKAN KEPAKARAN DAN TEKNOLOGI BOSNIA

KANGAR, 20 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Perlis akan memanfaatkan kepakaran dan teknologi Bosnia terutama dalam industri pembuatan peralatan elektrik termasuk kabel bervoltan tinggi, kata Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini.

Beliau yang akan melakukan lawatan kerja selama lima hari ke Bosnia mulai Isnin ini akan bertemu dengan pelabur negara itu terutama yang telah mengadakan ikatan pelaburan di sini.

Bercakap kepada para pemberita di pejabatnya hari ini, Shahidan berkata, sebuah syarikat pelaburan Bosnia telah menandatangani usahasama dengan sebuah syarikat tempatan untuk melabur di negeri ini pada 1996.

Pelabur Bosnia, Energoinvest DD Sarajevo dan syarikat tempatan, Revolutionary Technology Holdings Sdn Bhd yang terbabit dalam usahasama itu telah mewujudkan syarikat yang dikenali sebagai EnergoMAL Sdn Bhd.

Shahidan berkata, EnergoMAL melabur kira-kira RM10 juta untuk projek berkenaan dengan kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) mempunyai kepentingan sebanyak 20 peratus.

"Kerajaan negeri menyediakan tapak di kawasan perindustrian Kuala Perlis untuk EnergoMAL dan ia merupakan satu kepentingan," katanya.

Menteri Besar berkata, setakat ini kerja-kerja membina kilang itu telah mencapai tahap 90 peratus dan ia akan disiapkan tidak lama lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah merasmikan majlis pecah tanah kilang berkenaan pada 12 April 1996 dan merupakan pelaburan pertama Bosnia di negara ini.

Shahidan berharap lawatan kerjanya ke Bosnia akan meningkatkan keyakinan para pelabur Bosnia terhadap iklim pelaburan di negeri ini terutama bagi pelabur sedia ada.

Menteri Besar berkata, kerajaan negeri mempunyai matlamat untuk menarik pelaburan bernilai RM1 bilion setiap tahun dan usaha menarik pelaburan itu akan dilakukan secara aktif sama ada di dalam atau luar negeri.

"Kalau boleh setiap bulan diadakan lawatan kerja di dalam dan luar negara untuk memperkenalkan insentif pelaburan di sini," katanya.

Antara insentif itu ialah menawarkan premium tanah yang rendah untuk tapak industri di samping pelbagai kemudahan sokongan yang lain.

Selain itu, pembinaan lebuh raya Kuala Perlis-Changlun bernilai RM300 juta yang bakal mendekatkan hubungan dengan lebuh raya Utara-Selatan adalah antara infrastruktur terbaru akan merupakan satu lagi kemudahan kepada para pelabur sektor perkilangan.

Pada masa ini, nilai pelaburan di Perlis sama ada oleh pelabur asing atau tempatan adalah lebih RM3 bilion dan jumlah itu akan terus berkembang melalui program galakan pelaburan ke negeri ini.

Perlis juga akan membuka satu lagi kawasan perindustrian di negeri ini iaitu di kawasan Pauh yang terletak tidak jauh daripada laluan lebuh raya Kuala Perlis-Changlun.

Empat kawasan industri sedia ada di negeri ini pada masa ini ialah Kuala Perlis, Jejawi, Chuping dan Padang Besar.

-- BERNAMA

AY OS